

5

Perkembangan Monetari dan Kewangan



Perkembangan Monetari dan Kewangan

Tinjauan

Perkembangan sektor kewangan lebih kukuh

Ekonomi negara terus berkembang walaupun pada kadar yang lebih sederhana dalam suku kedua 2011 berikutan ketidaktentuan dalam keadaan ekonomi global. Dengan kadar inflasi keseluruhan yang mencatat peningkatan dalam lima suku tahunan berturut-turut, Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah dinaikkan 25 mata asas kepada 3.00% pada bulan Mei 2011 untuk melindungi kestabilan harga. Sementara itu, nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) pula telah dinaikkan tiga kali dari 1.00% kepada 4.00% untuk mengurus paras mudah tunai yang tinggi dan mengelakkan sebarang ketidakseimbangan kewangan yang disebabkan oleh kemasukan modal jangka pendek yang besar. Namun begitu, dasar monetari masih kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan.

Pembiayaan melalui sistem perbankan dan pasaran modal kekal teguh untuk menyokong aktiviti dalam semua sektor ekonomi. Daya tahan dan kestabilan sistem kewangan adalah disokong oleh permodalan yang kukuh dan kualiti aset yang teguh serta amalan pengurusan risiko yang berhemat. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, permohonan pinjaman terus berkembang kukuh sebanyak 23.1%, manakala kelulusan pinjaman juga meningkat kukuh 20.1%. Begitu juga, permohonan pinjaman dari sektor perniagaan mencatatkan pertumbuhan mantap sebanyak 29.5%, manakala kelulusan pinjaman sektor perniagaan berkembang 25.8%, dengan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) mencakupi lebih satu pertiga daripada jumlah pinjaman kepada sektor perniagaan. Sehingga akhir Julai 2011, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) berada pada paras 14.3% dan nisbah modal teras (CCR) pada 12.5%.

Pelan Induk Pasaran Modal 2 (CMP2) telah dilancarkan pada 12 April 2011, berdasarkan tema “*Growth with Governance*”. Rangka tindakan strategik ini akan mentransformasikan pasaran modal dalam tempoh 10 tahun yang akan datang bagi menangani cabaran struktur utama dan hubungan kritikal untuk menggalakkan persekitaran pengantaraan yang lebih pelbagai dan inovatif serta memupuk peluang pertumbuhan baharu.

Pada masa ini, Malaysia mempunyai infrastruktur syariah, pengawalseliaan dan undang-undang paling mantap yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif dalam perbankan, takaful dan pasaran modal termasuklah produk yang inovatif. Pasaran modal Islam kini melebihi RM1 trilion dan berkembang pesat seiring dengan pasaran modal konvensional. Malaysia kekal sebagai peneraju terbitan sukuk yang mencakupi 62.7% atau USD112.3 bilion daripada jumlah sukuk terkumpul global pada akhir separuh pertama 2011. Jumlah nilai sukuk yang disenaraikan di Bursa Malaysia pada akhir Julai 2011 berjumlah RM88.3 bilion (USD29.6 bilion) dan mengesahkan kedudukan bursa ini sebagai destinasi penyenaraian sukuk utama di dunia.

Pada bulan Jun 2011, Kerajaan merekodkan satu lagi pencapaian dengan menawarkan sukuk berdaulat global yang berasaskan struktur wakala. Sukuk Global Wakala bernilai USD2 bilion yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian bertempoh matang 5-tahun bernilai USD1.2 bilion dan bahagian bertempoh matang 10-tahun bernilai USD800 juta, mendapat sambutan yang sangat menggalakkan di pasaran dan telah mencatat lebihan langganan 4.5 kali ganda. Kadar hasil untuk bahagian 5-tahun adalah 2.991% manakala, untuk 10-tahun adalah 4.646%, iaitu kadar hasil yang paling rendah dicapai oleh sebuah negara Asia untuk terbitan berdenominasi USD yang baharu.

Dasar Monetari

Normalisasi kadar faedah selanjutnya

Dasar monetari pada tahun 2011 terus menyokong pertumbuhan ekonomi di samping mengurus risiko tekanan inflasi serta mengelak ketidakseimbangan kewangan. Seiring dengan pengekal momentum pertumbuhan ekonomi pada suku pertama 2011, OPR telah dinaikkan pada 5 Mei 2011 sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Walaupun tahap dasar monetari yang akomodatif telah dilaraskan, OPR kekal menyokong pertumbuhan. Sementara itu, SRR yang berada pada 1.00% sejak Mac 2009, telah dinaikkan sebanyak tiga kali sebagai langkah awalan untuk mengurus peningkatan mudah tunai berlebihan yang ketara, yang boleh membawa kepada ketidakseimbangan kewangan. Selepas krisis kewangan global, ekonomi membangun berkembang pesat termasuk Malaysia mengalami aliran masuk modal jangka pendek yang besar. Ini memberikan tekanan ketara kepada kadar pertukaran asing dan harga aset. Oleh itu, SRR telah dinaikkan 100 mata asas setiap kali pada bulan April, Mei dan Julai 2011 kepada 4.00%.

Perkembangan Monetari

Penawaran wang terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011. **M1 atau wang secara kecil** meningkat 14.5% pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 11.7%) disebabkan deposit permintaan yang lebih tinggi, yang meningkat 14.6% (akhir 2010: 12.2%). **M3 atau wang secara luas** berkembang 11.6% pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 6.8%) disebabkan oleh peningkatan pinjaman bank kepada sektor swasta dan aset asing bersih yang lebih tinggi.

Kadar faedah kekal akomodatif

Dengan keadaan ekonomi yang terus mampan, tahap dasar monetari yang akomodatif telah dilaraskan. Oleh itu, OPR yang telah berada

JADUAL 5.1

Faktor Penentu M3 Januari – Julai

	Perubahan (RM juta)	
	2010	2011
M3	18,752.0	70,342.4
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-7,135.8	-19,367.1
Tuntutan ke atas sektor swasta	48,787.6	63,028.6
Pinjaman	50,098.2	57,080.0
Sekuriti	-1,310.6	5,948.5
Aset asing bersih	-5,592.3	102,029.9
Bank Negara Malaysia	-19,942.0	80,784.8
Sistem perbankan	14,349.7	21,245.1
Pengaruh lain	-17,307.5	-75,348.9

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

pada 2.75% sejak Julai 2010, dinaikkan 25 mata asas kepada 3.00% pada 5 Mei 2011. Semasa semakan semula dasar pada 7 Julai 2011, OPR dikekalkan pada 3.00% dan terus menyokong pertumbuhan.

Berikutan pelarasan OPR, kadar pinjaman asas purata bagi bank perdagangan meningkat 27 mata asas kepada 6.54% pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 6.27%). Kadar pinjaman purata bank perdagangan juga meningkat kepada 5.10% pada Mei 2011 sebelum stabil pada 5.03% pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 5.05%). Sementara itu, kadar faedah deposit simpanan meningkat kepada 1.09% pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 1.00%). Kadar deposit tetap bertempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan naik ke antara 2.95% – 3.23% (akhir 2010: 2.71% – 2.97%). Dengan tekanan inflasi berada pada aliran menaik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, pulangan sebenar deposit tetap menjadi negatif sejak Mac 2011.

Pembiayaan sektor swasta yang kukuh

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat 9.3% kepada RM497.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 12.1%; RM455.1 bilion). Ini disebabkan oleh terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) yang lebih tinggi, melonjak 90.3% kepada RM35.8 bilion manakala terbitan ekuiti berjumlah RM8.2 bilion. Pengeluaran pinjaman sistem perbankan meningkat 8.2% kepada RM453.6 bilion (Januari – Julai 2010: 15.1%; RM419.1 bilion) dengan pengeluaran terutamanya kepada sektor isi rumah (RM155.1 bilion), pembuatan (RM97.1 bilion) serta perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran (RM76.7 bilion).

Berikutan pertumbuhan ekonomi yang mampan, semua penunjuk pembiayaan sistem perbankan berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011. **Permohonan pinjaman** meningkat 23.1%, **kelulusan** 20.1% dan **pengeluaran** 8.2% (Januari – Julai 2010: 18.8%; 19%; 15.1%). **Jumlah pinjaman terkumpul** berkembang 12.9% kepada RM949.9 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 12.7%; RM883.3 bilion), dengan sektor isi rumah menyumbang lebih separuh daripada jumlah keseluruhan.

Permohonan pinjaman perniagaan telah meningkat ketara sebanyak 29.5%, manakala kelulusan pinjaman perniagaan bertambah 25.8% (Januari – Julai 2010: 14.4%; 19%). Pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan berjumlah RM298.4 bilion dan terutamanya untuk membiayai modal kerja. Sektor pembuatan terus menerima bahagian pengeluaran pinjaman yang terbesar iaitu (21.4%) diikuti oleh sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran (16.9%) dan sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (12%). Pinjaman perniagaan terkumpul juga meningkat 12.4% kepada RM354.7 bilion pada akhir Julai 2011 dengan sektor pembuatan mencakupi 24.9% daripada jumlah pinjaman perniagaan terkumpul (akhir 2010: 9.4%; RM333.1 bilion; 25%).

Pembiayaan bagi SME terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dengan permohonan meningkat 31.4%, kelulusan, 22.4% dan

JADUAL 5.2

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari – Julai

Penunjuk	RM bilion		Perubahan (%)	
	2010	2011	2010	2011
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	351.7	432.9	18.8	23.1
Kelulusan pinjaman	191.2	229.5	19.0	20.1
Pengeluaran pinjaman	419.1	453.6	15.1	8.2
Pinjaman terkumpul ²	841.2	949.9	11.8	12.9
di mana:				
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	160.4	207.6	14.4	29.5
Kelulusan pinjaman	86.6	109.0	19.0	25.8
Pengeluaran pinjaman	281.3	298.4	14.6	6.1
Pinjaman terkumpul ²	315.6	354.7	6.4	12.4
di mana:				
SME				
Permohonan pinjaman	73.2	96.2	29.4	31.4
Kelulusan pinjaman	33.7	41.2	38.0	22.4
Pengeluaran pinjaman	83.7	99.5	2.2	18.8
Pinjaman terkumpul ²	123.2	140.6	3.1	14.1
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	191.3	225.3	22.8	17.8
Kelulusan pinjaman	104.5	120.6	19.0	15.3
Pengeluaran pinjaman	137.9	155.1	16.4	12.5
Pinjaman terkumpul ²	465.6	524.9	13.2	12.7

¹ Jumlah termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Pinjaman terkumpul adalah pada akhir tempoh.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

pengeluaran, 18.8% (Januari – Julai 2010: 29.4%; 38%; 2.2%). Pinjaman kepada SME merangkumi 39.6% daripada jumlah pinjaman kepada perniagaan pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 38.5%). Kebanyakan pinjaman SME adalah

JADUAL 5.3

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran Pinjaman				Pinjaman Terkumpul			
	2010		Jan – Julai 2011		Akhir 2010		Akhir Julai 2011	
	RM bilion	Sumbangan (%)	RM bilion	Sumbangan (%)	RM bilion	Sumbangan (%)	RM bilion	Sumbangan (%)
Perniagaan	483.2	66.7	298.4	65.8	333.1	37.7	354.7	37.3
Syarikat besar	336.0	46.4	198.9	43.9	204.7	23.2	214.1	22.5
SME	147.2	20.3	99.5	21.9	128.4	14.5	140.6	14.8
<i>Sektor terpilih</i>								
Pertanian primer	24.6	3.4	13.1	2.9	20.0	2.3	20.3	2.1
Perlombongan dan kuari	3.5	0.5	2.6	0.6	3.2	0.4	3.4	0.4
Pembuatan	144.0	19.9	97.1	21.4	83.3	9.4	88.4	9.3
Elektrik, gas dan bekalan air	5.3	0.7	3.1	0.7	11.2	1.3	10.9	1.1
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	122.8	16.9	76.7	16.9	65.2	7.4	70.2	7.4
Pembinaan	42.8	5.9	23.7	5.2	38.3	4.3	38.4	4.0
Harta tanah	23.7	3.3	17.9	3.9	38.2	4.3	42.6	4.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	19.7	2.7	10.0	2.2	23.3	2.6	24.4	2.6
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	83.2	11.5	54.6	12.0	71.4	8.1	78.1	8.2
Isi rumah	241.4	33.3	155.1	34.2	489.5	55.4	524.9	55.3
Pembelian harta kediaman	57.8	8.0	36.3	8.0	227.0	25.7	242.7	25.5
Pembelian kereta penumpang	37.2	5.1	20.3	4.5	112.7	12.8	116.5	12.3
Kredit penggunaan ¹ di mana:	112.3	15.5	74.4	16.4	71.8	8.1	77.4	8.1
Kad kredit	83.1	11.5	55.6	12.3	29.8	3.4	30.8	3.2
Lain-lain	-	-	-	-	60.7	6.9	70.3	7.4
Jumlah²	724.6	100.0	453.6	100.0	883.3	100.0	949.9	100.0

¹ Kredit penggunaan = Kad kredit + kegunaan persendirian + barang pengguna.² Jumlah = Perniagaan + isi rumah + lain-lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.


Sumber: Bank Negara Malaysia.

kepada sektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran (27.9%) serta sektor pembuatan (21.8%). Jumlah pinjaman SME terkumpul meningkat 14.1% kepada RM140.6 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 2.4%; RM128.4 bilion).

Selain daripada sistem perbankan, pembiayaan SME juga diperoleh daripada pelbagai **dana pusingan khas** yang ditadbir oleh Bank Negara


Malaysia (BNM) yang berjumlah RM9.7 bilion pada akhir Julai 2011. Melalui dana pusingan ini, lebih 49,000 SME telah dibantu dengan jumlah pembiayaan yang diluluskan sebanyak RM20.5 bilion. Kadar penggunaan kesemua dana ini kekal tinggi pada 95.5% (akhir 2010: 95.5%), dengan jumlah pembiayaan terkumpul sebanyak RM7.6 bilion. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, sejumlah 2,568 SME menerima pinjaman bernilai RM542.6 juta daripada dana-dana ini.

CARTA 5.1

Agregat Monetari


Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.2

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Pasaran Modal


Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.3

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman Terkumpul¹¹ Akhir tempoh.² Akhir Julai 2011.


Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.4

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman¹¹ Data bulanan.


Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.5

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.6

Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas¹, Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih¹ dan Nisbah Modal Wajaran Risiko¹¹ Akhir tempoh.² Akhir Julai 2011.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Perusahaan mikro terus menerima sokongan pembiayaan daripada 10 institusi kewangan di bawah Skim Pembiayaan Mikro. Permintaan untuk **pembiayaan mikro** kekal teguh dengan 25,034 jumlah permohonan dalam tujuh bulan pertama 2011 bernilai RM692.7 juta (Januari – Julai 2010: 28,839 permohonan; RM663.1 juta), manakala jumlah pembiayaan yang diluluskan bernilai RM221.9 juta untuk 11,983 akaun (Januari – Julai 2010: RM219.4 juta; 13,132 akaun). Jumlah pembiayaan mikro terkumpul berkembang 15.5% kepada RM834.8 juta (akhir 2010: 25.9%; RM776.3 juta) yang memanfaatkan 69,460 perniagaan mikro (Januari – Julai 2010: 63,910 perniagaan mikro).

Pinjaman daripada sistem perbankan kepada sektor isi rumah terus kukuh meskipun pada kadar yang lebih perlahan. Permohonan pinjaman oleh sektor isi rumah berkembang 17.8%, kelulusan 15.3% dan pengeluaran 12.5% (Januari – Julai 2010: 22.8%; 19%; 16.4%), dalam persekitaran kadar faedah yang menarik. Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah terutamanya untuk kredit penggunaan berjumlah RM74.4 bilion atau 16.4% daripada jumlah pengeluaran pinjaman (akhir 2010: RM112.3 bilion; 15.5%). Ini diikuti dengan pembelian harta kediaman yang meningkat 8% kepada RM36.3 bilion (akhir 2010: 8%; RM57.8 bilion). Jumlah pinjaman isi rumah terkumpul berjumlah RM524.9 bilion, meningkat 12.7% dan menyumbang kepada 55.3% daripada keseluruhan pinjaman terkumpul pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: RM489.5 bilion; 13.4%; 55.4%).

Jumlah hutang isi rumah, termasuk pinjaman yang diberikan terutamanya oleh sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, berkembang pada kadar 11.6% kepada RM619.9 bilion manakala nisbah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah 77.2% pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 12.6%; RM581.6 bilion; 75.9%). Paras hutang isi rumah kekal terurus dengan lebih separuh daripada hutang tersebut terdiri daripada pinjaman

bersandarkan aset untuk harta kediaman (45%) dan kenderaan (19.2%). Aset kewangan isi rumah yang meningkat 14.1% kepada RM1,476.7 bilion adalah melebihi dua kali ganda hutang isi rumah manakala nisbah aset kewangan mudah tunai kepada hutang bagi isi rumah kekal tinggi pada 155.4% pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 12.4%; RM1,368.4 bilion; 153.9%). Keadaan ini memberikan isi rumah sedikit fleksibiliti kewangan untuk menangani keadaan ekonomi yang berubah dan kos hidup yang lebih tinggi. Di samping itu, nisbah pinjaman terjejas bersih bertambah baik kepada 2% daripada jumlah pinjaman isi rumah (akhir 2010: 2.3%).

Perbelanjaan **kad kredit** juga terus berkembang dengan jumlah urus niaga meningkat 11.8% kepada RM50.3 bilion bagi tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 15.9%; RM45 bilion). Kebanyakan urus niaga adalah untuk pembelian tempatan dan pembelian dari luar negeri yang menyumbang 95.8% manakala bakinya adalah untuk pengeluaran pendahuluan tunai. Berikutan kenaikan cukai perkhidmatan kad kredit dalam Belanjawan 2010 yang diumumkan pada Oktober 2009, jumlah kad kredit dalam edaran semakin menurun dan mencatatkan 8.3 juta kad pada akhir Julai 2011. Ini mewakili penurunan sebanyak 26% daripada jumlah yang dicatatkan pada Oktober 2009 (akhir Oktober 2009: 11.2 juta kad).

Hutang kad kredit merangkumi 6.1% daripada jumlah hutang isi rumah dan 3.4% daripada jumlah pinjaman dalam sistem perbankan pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 6.3%; 3.5%). Sementara itu, nisbah pinjaman terjejas kad kredit berada pada 1.8% pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 1.7%). Bilangan kes berkaitan kad kredit yang dikendalikan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit berkurangan sedikit kepada 8,070 dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 8,301), mencakupi 82.5% daripada jumlah kes di bawah Program Pengurusan Hutang dengan jumlah hutang bernilai RM1.3 bilion (Januari – Julai 2010: 87.9%; RM1 bilion).

Inisiatif untuk Menggalakkan Pengurusan Hutang Isi Rumah Berhemat

Beberapa inisiatif telah diambil untuk memastikan tahap keberhutangan isi rumah kekal pada tahap berhemat, termasuk:

- Melaksanakan program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) pada Februari 2011 untuk menggalakkan celik kewangan dan pengurusan kewangan yang berhemat, terutamanya dalam kalangan golongan muda dan individu yang pertama kali meminjam. Program ini memberikan peserta pengetahuan dan kemahiran kewangan untuk membuat keputusan berkaitan kewangan yang lebih baik. Sehingga akhir Julai 2011, sebanyak 10,592 individu telah mengambil bahagian dalam program POWER!.
- Menyemak semula syarat kelayakan pemilikan kad kredit yang berkuat kuasa pada 18 Mac 2011, untuk memupuk pengurusan kewangan dan hutang yang berhemat dalam kalangan pengguna kad kredit serta menggalakkan amalan perniagaan yang wajar dan bertanggungjawab oleh pengeluar kad kredit. Peraturan/syarat baharu adalah seperti berikut:
 - Kelayakan pendapatan tahunan minimum untuk kad kredit baharu dinaikkan kepada RM24,000 daripada RM18,000 sebelum ini;
 - Pemegang kad yang berpendapatan RM36,000 setahun atau kurang hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua pengeluar kad kredit. (Pemegang kad sedia ada yang memiliki kad kredit lebih daripada dua pengeluar diberikan sehingga akhir 2011 untuk memilih pengeluar pilihan mereka dan akan diberikan sekurang-kurangnya dua tahun untuk menyelesaikan baki hutang kad kredit yang telah dibatalkan);
 - Had kredit maksimum tidak boleh melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad bagi setiap pengeluar;
 - Pengeluar tidak dibenarkan untuk menaikkan had kredit pemegang kad tanpa kebenaran mereka;
 - Pengeluar juga tidak dibenarkan untuk menawarkan pendahuluan kredit dalam bentuk cek berbayar kepada pemegang kad melainkan jika diminta;
 - Pengeluar mesti menyediakan Lembaran Penzahiran Produk yang mengandungi maklumat ciri-ciri utama, yuran dan obligasi pemegang kad untuk memudahkan perbandingan dan keputusan dibuat berdasarkan maklumat yang mencukupi;
 - Pengeluar juga perlu memberikan peringatan yang jelas mengenai implikasi pembayaran balik secara minimum dan bayaran sebahagian; dan
 - Bermula dari Disember 2011, pemegang kad perlu diberikan maklumat khusus mengenai tempoh untuk menyelesaikan baki pinjaman sepenuhnya dan jumlah kos faedah yang terlibat sekiranya hanya pembayaran balik minimum dibuat.
- Memastikan bahawa institusi kewangan bukan bank yang terlibat dalam pemberian kredit serta berurusan dengan isi rumah, dikawal selia oleh piawaian berhemat yang setara oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Ringgit mengukuh

Ringgit terus mengukuh berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sejajar dengan prestasi mata wang serantau dalam keadaan prospek pertumbuhan yang optimistik di rantau ini. Ringgit mencapai paras tertinggi dalam tempoh 13 tahun pada RM2.9615 berbanding dolar AS pada 28 April 2011 disebabkan oleh aliran dana secara besar-besaran ke rantau ini, khususnya Malaysia. Walau bagaimanapun, tekanan ke atas ringgit menjadi sederhana pada suku kedua ekoran kebimbangan yang semakin meningkat terhadap krisis hutang berdaulat di Greece serta ketidakpastian dalam prospek ekonomi dunia. Pada akhir Jun 2011, ringgit didagangkan pada RM3.0205 berbanding dengan dolar AS dan menyusut antara 0.2% dan 6.9% berbanding mata wang utama dan serantau yang lain.

Dalam tempoh 1 Julai hingga akhir Ogos 2011, ringgit meningkat sedikit iaitu 1.3% berbanding dengan dolar AS berikutan kebimbangan ke atas pertumbuhan ekonomi yang lebih lemah dan ketidakpastian yang menyelubungi keadaan hutang di AS telah menjejaskan nilai dolar.

Sejak awal tahun hingga akhir bulan Ogos, ringgit meningkat 3.5% berbanding dengan dolar AS tetapi susut 5.5% berbanding euro, 2.5% berbanding yen dan 2% berbanding paun. Nilai ringgit juga diniagakan lebih rendah berbanding kebanyakan mata wang serantau.

Perkembangan Sektor Kewangan

Sistem perbankan kekal berdaya tahan

Sistem perbankan terus berdaya tahan, disokong oleh permodalan yang mantap, keuntungan yang stabil dan penampunan mudah tunai yang kukuh dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011. Ujian ketahanan yang kerap dijalankan ke atas risiko kredit, pasaran dan mudah tunai telah menunjukkan keupayaan sistem perbankan untuk bertahan dalam kemungkinan berlakunya kejutan teruk. Bank-bank juga berupaya untuk menyediakan pengantaraan kewangan bagi menyokong aktiviti ekonomi dan mengekalkan pertumbuhan. Pada akhir Julai 2011, penampunan modal sistem perbankan adalah melebihi RM62 bilion. CCR sistem perbankan

Pengemaskinian Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing

Liberalisasi selanjutnya dalam peraturan pentadbiran pertukaran asing bertujuan untuk meningkatkan kecekapan sistem kewangan serta menyokong aktiviti pengembangan syarikat tempatan di luar negeri.

4 Mac 2011

Pembayaran Am

- Membenarkan individu pemastautin dan bukan pemastautin untuk membuat:
 - pembayaran dalam ringgit bagi sebarang tujuan antara:
 - individu bukan pemastautin yang merupakan ahli keluarga terdekat¹
 - individu bukan pemastautin dan pemastautin yang merupakan ahli keluarga terdekat
 - pembayaran dalam mata wang asing untuk sebarang tujuan antara:
 - individu pemastautin yang merupakan ahli keluarga terdekat
 - individu pemastautin dan bukan pemastautin yang merupakan ahli keluarga terdekat

Akaun Mata Wang Asing Pemastautin

- Membenarkan individu pemastautin membuka dan menyenggara akaun mata wang asing bersama bagi sebarang tujuan dengan individu bukan pemastautin yang merupakan ahli keluarga terdekat, tertakluk kepada peraturan sedia ada mengenai pelaburan dalam aset mata wang asing.
- Memansuhkan had yang sedia ada ke atas agregat baki semalaman akaun mata wang asing yang disenggara oleh pemastautin untuk tujuan pendidikan dan pekerjaan.
 - penukaran ringgit kepada mata wang asing untuk memenuhi keperluan pendidikan atau pekerjaan di luar negeri akan disokong oleh bukti dokumentasi dan justifikasi kepada bank pengirim wang.

1 Jun 2011

Liberalisasi terhadap pelaburan langsung di luar negeri, pinjaman antara syarikat dan pembiayaan perdagangan adalah seperti berikut:

- Pelaburan langsung di luar negeri dikecualikan daripada had semasa RM50 juta bagi pelaburan dalam aset mata wang asing. Syarikat pemastautin yang memenuhi keperluan kehematan dibenarkan untuk membuat sebarang amaun pelaburan langsung di luar negeri.
- Syarikat pemastautin dibenarkan meminjam sebarang amaun dalam ringgit atau mata wang asing daripada syarikat pemastautin dan syarikat bukan pemastautin bukan bank berkaitan.
- Had semasa sebanyak RM5 juta yang dikenakan terhadap pembiayaan perdagangan mata wang asing yang diperolehi pemastautin daripada bukan pemastautin dimansuhkan. Berikutan itu, pemastautin boleh mendapat peminjaman mata wang asing, termasuk pembiayaan perdagangan mata wang asing sehingga had agregat semasa RM100 juta bagi syarikat, berdasarkan kumpulan syarikat dan RM10 juta bagi individu.

[¹ Ahli keluarga terdekat terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak, suami dan isteri serta adik-beradik sahaja]

berada pada paras 12.5% dan RWCR 14.3%. Dianggarkan 80% daripada jumlah modal adalah dalam bentuk modal Kumpulan-1 yang sebahagian besarnya terdiri daripada modal berbayar dan rizab.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, sektor perbankan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM15.6 bilion (Januari – Julai 2010: RM13.3 bilion), disumbang oleh faedah bersih yang lebih tinggi dan pendapatan daripada perkhidmatan yang disediakan untuk aktiviti pembiayaan, khidmat nasihat korporat, penghantaran wang serta jualan silang produk bankasurans dan pengurusan kekayaan. Sementara itu, keuntungan bersih daripada aktiviti perbendaharaan adalah bertambah baik,

hasil keupayaan institusi perbankan mengharungi turun naik pasaran kesan daripada aliran masuk dan keluar pelaburan portfolio serta cabaran luar daripada AS dan kawasan euro.

Kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik dengan pinjaman terjejas bersih berjumlah RM27.5 bilion atau 2% daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: RM29.7 bilion; 2.3%). Pinjaman tertunggak kurang dari 3 bulan kekal stabil pada 3.9% daripada jumlah pinjaman, manakala lindungan kerugian pinjaman keseluruhan adalah pada 97%. Dari segi sektor, isi rumah merupakan penyumbang tertinggi pinjaman terjejas iaitu 37.4% atau RM10.3 bilion (akhir 2010: 37.8%; RM11.2 bilion). Ini diikuti oleh sektor pembuatan sebanyak 21.5% atau RM5.9 bilion dan sektor

pembinaan sebanyak 10.1% atau RM2.8 bilion (akhir 2010: 19.6%, RM5.8 bilion; 10.4%; RM3.1 bilion).

Usaha berterusan juga diambil untuk memastikan fi dan caj yang dikenakan oleh institusi kewangan termasuk IKP adalah munasabah. Garis Panduan Pengenaan Fi dan Caj ke atas Produk dan Perkhidmatan Kewangan yang disemak semula telah dikeluarkan pada 16 Mei 2011. Ini untuk memastikan fi dan caj yang dikenakan ke atas produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada individu dan SME adalah saksama kepada pengguna dan pembekal perkhidmatan kewangan.

Di samping itu, institusi kewangan termasuk IKP dikehendaki mengguna pakai prosedur dan amalan pengurusan kesinambungan perniagaan yang mantap dan berkesan bagi meningkatkan daya tahan dan kesediaan menghadapi sebarang kemungkinan. Untuk itu, Garis Panduan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan yang disemak semula telah dikeluarkan pada 3 Jun 2011, menguatkuasakan keperluan minimum ke atas institusi kewangan untuk memastikan kesinambungan fungsi perniagaan kritikal dan perkhidmatan asas dapat dibuat dalam jangka masa yang tertentu sekiranya berlaku gangguan utama.

Meluaskan kehadiran bank asing

Kehadiran bank asing terus meningkat untuk melengkapkan sektor kewangan semasa apabila negara mencatat kemajuan dalam transformasi ekonomi ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Daripada lima lesen perbankan perdagangan baharu yang dikeluarkan pada tahun 2010, dua bank telah mula beroperasi pada April dan Jun 2011. Pada 15 Jun 2011, satu lagi lesen bank Islam antarabangsa baharu telah dikeluarkan kepada sebuah bank asing dari Bahrain. Pada masa ini, lebih separuh daripada 20 bank perdagangan asing berasal dari rantau Asia, menandakan peranan Asia yang semakin penting dalam landskap ekonomi global dan hubungan Malaysia yang lebih kukuh di rantau ini.

Antara langkah liberalisasi yang diumumkan pada tahun 2009 termasuk membenarkan bank asing diperbadankan di Malaysia yang sedia ada untuk menubuhkan cawangan baharu berdasarkan nisbah pengagihan khusus (1 pusat pasaran: 2 separa bandar: 1 luar bandar) bagi meningkatkan keupayaan dan fleksibiliti operasi mereka. Pada akhir Julai 2011, 10 cawangan baharu telah ditubuhkan di seluruh negara, termasuk di kawasan luar bandar. Namun begitu, berkuat kuasa pada 17 Ogos 2011, bank asing diperbadankan sedia ada dan baharu yang masih belum mencapai skala operasi yang bersesuaian, tidak lagi tertakluk kepada nisbah tersebut bagi membolehkan bank-bank berkenaan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada segmen pelanggan sasaran dan bidang *niche* mereka.

Bank pelaburan merangsang pertumbuhan pasaran bon

Pada akhir Julai 2011, bilangan bank pelaburan di Malaysia kekal sebanyak 15, berikutan transformasi dan rasionalisasi bank saudagar, syarikat diskaun, syarikat broker saham dan broker universal. Bank pelaburan di Malaysia kekal berdaya tahan dengan RWCR terus kukuh pada 33.4% dan CCR pada 32.9% (akhir 2010: 35%; 34.4%). Peranan bank pelaburan yang lebih menyerlah sebagai pengantara pasaran kewangan utama terbukti dengan pertumbuhan pasaran bon Malaysia untuk menjadi yang terbesar di Asia Tenggara. Beberapa bank pelaburan Malaysia juga telah muncul sebagai pemain penting dalam industri perbankan pelaburan serantau sebagai sebahagian daripada strategi pertumbuhan jangka panjang untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dan merebut peluang perniagaan baharu.

Memperkuh IKP

IKP terus memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan sektor ekonomi strategik, seperti yang ditunjukkan oleh pertumbuhan positif dalam aktiviti pembiayaan IKP. Jumlah pembiayaan terkumpul IKP terus berkembang 7.4% kepada RM98 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010:

13%; RM94.2 bilion) didorong terutamanya oleh pembiayaan yang lebih tinggi dalam semua sektor utama, khususnya kredit penggunaan serta sektor pembinaan, maritim dan pertanian. Pada akhir Julai 2011, jumlah pembiayaan untuk kredit penggunaan, yang mewakili hampir separuh daripada jumlah pembiayaan terkumpul IKP meningkat 12.1% kepada RM48.4 bilion (akhir 2010: 20.2%; RM45.4 bilion) disokong oleh perbelanjaan pengguna yang kukuh dan persekitaran ekonomi yang menggalakkan.

Pembiayaan kepada sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 9.2% kepada RM15 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 17.1%; RM13.9 bilion). Sementara itu, pembiayaan kepada sektor pertanian kembali positif dengan peningkatan 4.9%, dengan jumlah pembiayaan terkumpul sebanyak RM6.3 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010:

-1.9%; RM6.1 bilion). Pinjaman kepada sektor maritim juga mencatatkan pertumbuhan yang ketara sebanyak 25.3% kepada RM2.1 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 1.5%; RM1.8 bilion) terutamanya untuk pembelian kapal. IKP terus menyediakan pembiayaan kepada SME berjumlah RM13 bilion atau 13.3% daripada jumlah pembiayaan IKP pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: RM12.8 bilion; 13.6%).

Untuk melindungi kepentingan penjamin kemudahan kredit yang diberikan oleh IKP, Garis Panduan untuk Menerima Jaminan sebagai Keselamatan bagi Institusi Kewangan Pembangunan telah dikeluarkan pada 28 April 2011. Ini adalah untuk memastikan bahawa penjamin sedar dan sanggup menerima liabiliti sebelum menandatangani jaminan tersebut. IKP juga dikehendaki untuk membekalkan maklumat terkini tentang status kemudahan kredit kepada penjamin. Sekiranya berlaku kemungkiran kredit, IKP hendaklah menggunakan usaha yang terbaik dalam mendapat balik jumlah pinjaman yang mungkir daripada peminjam terlebih dahulu, sebelum sebarang tindakan boleh diambil terhadap penjamin.

Industri insurans kekal teguh

Industri insurans kekal berdaya tahan dan terus mencatat pertumbuhan positif dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 dengan pendapatan premium yang lebih baik, asas aset yang kukuh dan keuntungan yang mampan. Jumlah pendapatan premium bersih meningkat 5.1% kepada RM18.6 bilion (Januari – Julai 2010: 11.9%; RM17.7 bilion).

Bagi sektor **insurans hayat**, lebih pendapatan berbanding perbelanjaan meningkat 2.9% kepada RM6.8 bilion (Januari – Julai 2010: 10.2%; RM6.6 bilion) disebabkan oleh hasil premium dan pendapatan pelaburan bersih yang lebih tinggi. Premium bersih daripada perniagaan baharu dan yang masih berkuat kuasa bagi insurans hayat biasa dan produk berkaitan pelaburan meningkat 4.6% kepada RM12.7 bilion (Januari – Julai 2010: 12.9%; RM12.2 bilion). Walau bagaimanapun, premium perniagaan baharu untuk insurans hayat susut 1% kepada RM4.7 bilion

JADUAL 5.4

Institusi Kewangan Pembangunan¹: Haluan Berian Pinjaman

	RM juta		Sumbangan (%)	
	Akhir 2010	Akhir Julai 2011	Akhir 2010	Akhir Julai 2011
Pertanian primer	6,114.6	6,263.2	6.5	6.4
Pembuatan	5,496.5	5,390.8	5.8	5.5
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	1,794.0	1,828.7	1.9	1.9
Pembinaan	13,935.0	14,995.2	14.8	15.3
Pengangkutan, Penyimpanan dan komunikasi	5,693.5	5,509.9	6.0	5.6
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	1,636.3	2,030.5	1.7	2.1
Lain-lain	59,531.1	62,027.6	63.2	63.3
Jumlah	94,201.1	98,045.9	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.5

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	2010	Jan – Julai 2011
Insurans hayat (RM juta)		
Perniagaan baru:		
Bilangan polisi (unit)	1,426,280	860,089
Jumlah diinsuranskan	405,658.8	180,489.4
Jumlah premium	8,659.9	4,726.1
Perniagaan berkuat kuasa:		
Bilangan polisi (unit)	15,322,744	15,332,261
Jumlah diinsuranskan	982,002.3	991,359.3
Premium tahunan	19,498.7	19,765.7
Pendapatan premium	21,854.2	12,709.5
Bayaran manfaat	13,023.4	6,477.1
Insurans am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Premium langsung kasar	12,768.3	8,357.9
Premium bersih	10,889.8	5,880.2
Premium insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	714.1	464.6
Nisbah bendungan ¹ (%)	85.3	70.0
Bilangan syarikat insurans		
Langsung:	39	37
Hayat	8	9
Am	24	22
Komposit	7	6
Penginsuranaan semula:	7	7
Hayat	1	1
Am	5	5
Komposit	1	1

¹ Premium bersih kepada premium insurans semula diterima tolak insurans semula dalam Malaysia.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

(Januari – Julai 2010: 18.1%; RM4.8 bilion), berikutan penurunan dalam insurans hayat biasa sebanyak 8.6% kepada RM3.4 bilion. Ini disebabkan oleh jualan yang lebih rendah dalam produk hayat seumur hidup, endowmen dan hayat sementara (Januari – Julai 2010: 12.8%; RM3.7 bilion). Sementara itu, premium baharu bagi produk berkaitan pelaburan meningkat 24.3% kepada RM1.4 bilion (Januari – Julai 2010: 40.7%; RM1.1 bilion). Kadar penembusan pasaran untuk insurans hayat bertambah baik kepada 44.9% pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 41.5%).

Keuntungan operasi sektor **insurans am** meningkat kepada RM1 bilion, disumbang oleh keuntungan pengunderaitan yang lebih tinggi sebanyak RM0.5 bilion (Januari – Julai 2010: RM0.9 bilion; RM0.4 bilion). Premium langsung kasar meningkat 7.1% kepada RM8.4 bilion (Januari – Julai 2010: 9.2%; RM7.9 bilion). Segmen insurans motor kekal sebagai kelas perniagaan terbesar, mencakupi 44.2% daripada jumlah premium. Dari segi tuntutan, nisbah kerugian keseluruhan yang lebih rendah dicatatkan iaitu 60.6% (akhir Julai 2010: 63.1%), dengan kerugian tertumpu terutamanya dalam segmen motor, badan kapal marin serta minyak dan gas.

Aset industri insurans berkembang kukuh kepada RM170.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 berbanding RM154 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2010. Agihan aset kekal tertumpu dalam sekuriti hutang korporat dan sekuriti Kerajaan, mencakupi 70.2% daripada jumlah aset (akhir 2010: 70.8%). Perniagaan insurans hayat terus merupakan bahagian terbesar dalam jumlah aset keseluruhan industri iaitu sebanyak 84.1%. Sementara itu, nisbah kecukupan modal industri insurans mengukuh kepada 224.1% hasil peningkatan keseluruhan dalam modal penampakan kepada RM19.5 bilion (akhir Julai 2010: 223.5%; RM18.5 bilion).

Selaras dengan komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Rangka Kerja Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) mengenai Perkhidmatan (AFAS), liberalisasi secara progresif

Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu

Premium insurans motor dan skop liputan polisi insurans motor adalah ditentukan oleh Tarif Motor Malaysia yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Tarif ini tidak pernah disemak semula sejak 1978. Walau bagaimanapun, profil risiko yang berkaitan, termasuk peningkatan kekerapan dan kos kemalangan telah berubah dengan ketara. Ini adalah nyata dari nisbah tuntutan bagi kecederaan anggota pihak ketiga dan perlindungan kematian yang semakin meningkat dari 166.8% pada tahun 2005 kepada 288.4% pada tahun 2010. Ketidaktahuan kadar premium yang berlaku telah mengakibatkan perniagaan pengunderaitan motor tidak mampan dan seterusnya telah menyebabkan keengganan sesetengah penanggung insurans menyediakan perlindungan motor, terutamanya polisi Pihak Ketiga.

Oleh yang demikian, Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu telah dirangka berdasarkan perundingan menyeluruh dengan pihak berkepentingan dalam tempoh separuh pertama 2010. Rangka kerja ini bertujuan untuk menyediakan akses perlindungan motor yang lebih baik serta penilaian tuntutan dan pampasan yang lebih cepat. Pada masa ini, penyelesaian tuntutan yang mengambil masa antara 1 hingga 5 tahun untuk dimuktamadkan akan dipercepatkan kepada antara 6 dan 18 bulan. Rangka Kerja ini mempunyai dua strategi umum, iaitu:

- (1) menambah baik proses penyelesaian tuntutan insurans motor untuk meningkatkan kecekapan keseluruhannya dalam pengurusan tuntutan untuk manfaat mangsa kemalangan jalan raya; dan
- (2) melaksanakan pelarasan premium secara berperingkat untuk menangani ketidaktahuan dalam penentuan kadar premium dan memastikan kemampunan jangka panjang dalam peruntukan perlindungan motor.

Untuk meningkatkan kecekapan keseluruhan dalam pengurusan tuntutan manfaat mangsa kemalangan jalan raya, terutamanya dalam mendapatkan pampasan awal, pusat panggilan 24 jam akan ditubuhkan untuk memberi bantuan segera kepada mangsa di tempat kemalangan, membantu pengeluaran notis tuntutan yang lebih cepat dan lebih mudah, masa yang lebih pendek bagi mendapatkan laporan polis dan perubatan, dan meningkatkan kesedaran orang ramai untuk membuat tuntutan insurans motor dengan segera. Sebuah Jawatankuasa Kerja Bersama (JWC), yang dipengerusikan oleh BNM, telah ditubuhkan pada April 2011 dengan mandat untuk melaksanakan langkah-langkah yang dikenal pasti. JWC merangkumi wakil daripada pihak berkepentingan utama yang terlibat dalam proses penyelesaian tuntutan insurans motor.

Sementara menunggu pelaksanaan Rangka Kerja pada tahun 2012, beberapa langkah telah diambil pada Mei 2011 untuk memastikan bahawa semua pemilik kenderaan akan mempunyai akses kepada perlindungan motor. Pemilik kenderaan yang pada masa ini tidak boleh mendapatkan perlindungan motor daripada penanggung insurans/pengendali takaful boleh mendapatkan perlindungan motor dari Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP). Untuk meningkatkan akses kepada MMIP, semua penanggung insurans am serta Pos Malaysia Berhad dan cawangannya boleh bertindak sebagai ejen MMIP. 'Kenderaan tersisih', seperti kereta persendirian yang melebihi 10 tahun dan motosikal, yang memerlukan perlindungan dari MMIP atau penanggung insurans, akan dikenakan kadar premium pasaran biasa dan tidak tertakluk kepada bebanan yang dikenakan ke atas kenderaan yang berisiko tinggi. Di samping itu, 'kenderaan tersisih' tidak lagi diperlukan menjalani pemeriksaan tahunan yang menentukan kelayakan membawa kenderaan di jalan raya melainkan kenderaan tersebut disifatkan sebagai berisiko tinggi.

JADUAL 5.6

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am

	Insurans Hayat (RM juta)		Insurans Am (RM juta)	
	Akhir 2010	Akhir Julai 2011	Akhir 2010	Akhir Julai 2011
Harta benda, loji dan kelengkapan	1,660.5	1,643.1	719.5	635.8
Pinjaman	10,870.2	10,898.3	115.6	94.6
Pelaburan	109,989.8	113,461.3	14,026.5	11,394.4
Kertas Kerajaan	20,205.4	19,932.7	4,910.6	3,016.6
Pinjaman jaminan Kerajaan	810.0	1,678.3	30.4	30.3
Sekuriti korporat (ekuiti dan hutang)	86,050.5	89,074.5	6,973.4	5,981.5
Pelaburan lain	2,923.9	2,775.8	2,112.0	2,366.0
Pelaburan harta tanah	2,479.9	2,466.1	222.1	154.0
Tunai dan deposit	9,184.0	11,234.6	8,181.1	7,298.7
Aset asing	4,741.6	5,242.8	611.3	502.1
Aset lain	2,609.0	2,650.7	2,650.0	2,748.7
Jumlah	141,535.1	147,596.9	26,526.1	22,828.2

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

telah diambil untuk meningkatkan kecekapan industri insurans. Di bawah pakej kelima AFAS, Malaysia telah komited membenarkan broker insurans yang dikawal selia di negara-negara ASEAN untuk menyediakan perkhidmatan rentas sempadan bagi insurans risiko marin, penerbangan dan transit (MAT) antarabangsa. Suatu rangka kerja pengawasan telah diwujudkan untuk memastikan perkhidmatan rentas sempadan ini dilaksanakan dengan teratur serta memberi tahap

perlindungan tertentu kepada pemilik Malaysia dalam risiko MAT antarabangsa.

Di bawah rangka kerja tersebut, broker insurans ASEAN, yang dikawal selia di negara-negara ASEAN dan tidak beroperasi di Malaysia dibenarkan untuk memohon menyediakan perkhidmatan pembrokeran insurans rentas sempadan kepada pemilik risiko Malaysia bagi penempatan risiko MAT antarabangsa. Mereka mestilah mempunyai rekod yang baik dan kedudukan kewangan yang kukuh, mendapat persetujuan daripada pengawal selia di negara masing-masing serta memiliki insurans perlindungan tanggung rugi profesional yang sah.

Berikutan lebih fleksibiliti yang diberikan dalam had pemilikan ekuiti asing, tiga syarikat insurans asing telah meningkatkan pegangan saham mereka dalam syarikat insurans domestik dan sebuah syarikat insurans asing baharu telah menyertai industri insurans. Bilangan syarikat insurans telah berkurang kepada 37 syarikat pada akhir Julai 2011 berikutan kejayaan dua penggabungan dan pengambilalihan pada tahun lepas.

Perkembangan Kewangan Islam

Kewangan Islam berkembang maju

Usaha terus diambil untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa dan menyumbang ke arah pengantarabangsaan kewangan Islam dengan membangunkan produk dan perkhidmatan berasaskan syariah serta instrumen untuk memudahkan dan menyokong urus niaga rentas sempadan. Ini termasuk penubuhan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (IILM), yang mula beroperasi pada 1 Februari 2011 di Kuala Lumpur. IILM merupakan kerjasama antara 12 bank pusat dan agensi kawal selia serta dua institusi pelbagai hala¹. Perbadanan ini dipertanggungjawabkan untuk menerbitkan instrumen kewangan pelbagai mata wang

¹ Ahli IILM adalah dari Indonesia, Iran, Kuwait, Luxembourg, Malaysia, Mauritius, Nigeria, Qatar, Arab Saudi, Sudan, Turki, dan Emiriah Arab Bersatu serta Bank Pembangunan Islam dan Syarikat Islam bagi Pembangunan Sektor Swasta.

jangka pendek yang patuh syariah. Ini untuk memudahkan pengurusan mudah tunai rentas sempadan di antara pusat kewangan Islam, yang seterusnya akan meningkatkan kesalinghubungan kewangan Islam. IILM akan turut menyumbang kepada pengurusan aliran kewangan merentas sempadan yang lebih cekap.

Pada 1 Julai 2011, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah telah dilaksanakan untuk mengukuhkan lagi peranan pemantauan, kuasa, akauntabiliti, kebebasan dan kompetensi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah dan Pengurusan institusi kewangan Islam mengenai perkara berkaitan syariah. Rangka Kerja ini adalah untuk memastikan lebih pematuhan mengikut syariah melalui mekanisme kawalan syariah sepenuhnya. Pelaksanaan Rangka Kerja ini akan memupuk lagi keyakinan pihak berkepentingan dan meningkatkan integriti industri kewangan Islam. Ini seterusnya mengurangkan risiko tidak mematuhi syariah serta menyumbang ke arah mengekalkan kekukuhan institusi dan kestabilan kewangan.

Dalam tempoh separuh pertama 2011, dua indeks Islam telah dilancarkan, iaitu Indeks Sukuk Mata Wang Asing Malaysia Bloomberg (BMSSUTR) dan Indeks Syariah Berdaulat Bursa Malaysia-AIBIM-Bloomberg (BMSSI). BMSSUTR adalah indeks denominasi bukan ringgit dibangunkan bersama BNM, yang menyediakan penanda aras global bagi prestasi sukuk dan berkeupayaan untuk menjejak pergerakan terbitan sukuk mata wang asing. Indeks BMSSI merupakan kerjasama antara Bloomberg, Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan Bursa Malaysia, yang menyediakan penanda aras prestasi bagi sekuriti Kerajaan berdenominasi ringgit yang patuh syariah untuk pelabur.

Pasaran modal Islam terus memainkan peranan penting dalam menyediakan sumber alternatif untuk penajaan modal. Pada akhir Julai 2011, sebanyak 847 sekuriti patuh syariah disenaraikan di Bursa Malaysia, mewakili 89% daripada jumlah sekuriti dengan nilai permodalan pasaran berjumlah RM826 bilion atau 61.7% daripada jumlah nilai permodalan pasaran (akhir 2010: RM756.1 bilion; 59.3%). Volum dagangan sekuriti patuh syariah meningkat kepada 111.5 bilion unit atau 59.4% daripada jumlah 187.7 bilion unit

yang didagangkan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 88.5 bilion unit; 66.4%; 133.9 bilion unit). Malaysia kekal sebagai peneraju dalam pasaran sukuk global dan menyumbang kepada 62.7% daripada jumlah sukuk terkumpul global pada akhir separuh pertama 2011. Sementara itu, Bursa Malaysia juga merupakan destinasi utama penyenaaran sukuk, dengan 19 sukuk disenaraikan bernilai RM88.3 bilion pada akhir Julai 2011 (USD29.6 bilion).

Malaysia juga merupakan antara peneraju global dalam industri pengurusan dana Islam. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, satu lesen pengurusan dana Islam telah diluluskan, menjadikan jumlah syarikat yang menguruskan dana Islam sepenuhnya kepada 16 (akhir 2010: 15 syarikat). Dalam tempoh yang sama, sebanyak lapan dana unit amanah Islam telah dilancarkan, menjadikan sejumlah 160 dana telah dilancarkan dengan jumlah nilai aset bersih (NAV) sebanyak RM26.4 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 152 dana; RM24 bilion). Jumlah dana borong Islam yang dilancarkan adalah sebanyak 24 dengan tambahan lima dana yang dilancarkan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (akhir 2010: 19 dana). Dari segi jumlah NAV, saiz dana borong Islam berjumlah RM7 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: RM4.2 bilion). Selain itu, satu dana dagangan bursa (ETF) Islam disenaraikan dengan NAV berjumlah RM579 juta (akhir 2010: 1 ETF; RM626 juta), manakala amanah pelaburan harta tanah (REIT) Islam kekal tiga dana dengan nilai permodalan pasaran sebanyak RM2.5 bilion pada akhir Jun 2011 (akhir 2010: 3 REIT; RM2.3 bilion).

Bursa Suq Al-Sila' (BSAS) telah memudahkan perdagangan komoditi yang menyokong pengurusan mudah tunai Islam, deposit, pembiayaan, dan terbitan sukuk berasaskan konsep murabahah dan tawarruq. BSAS telah menyaksikan kehadiran yang lebih kukuh dalam pasaran tempatan dan antarabangsa dengan penggunaan standard syariah yang diterima di peringkat antarabangsa. Nilai purata harian dagangan komoditi merekodkan peningkatan lebih 400%, berjumlah RM351 juta pada akhir 2010 (akhir 2009: RM69.6 juta). Sehingga akhir Julai 2011, terdapat 43 peserta dagangan komoditi.

Perbankan Islam terus berkembang

Perbankan Islam, yang merangkumi IKP terus berkembang pesat dengan pertumbuhan yang ketara dalam aset, deposit dan pembiayaan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011. Jumlah aset berkembang 15.4% kepada RM389.3 bilion pada akhir Julai 2011 dan meliputi 21.4% daripada jumlah aset sistem perbankan (akhir 2010: 15.8%; RM351.1 bilion; 20.8%). Jumlah deposit meningkat 13.5% kepada RM299.1 bilion dan mencakupi 23.1% daripada jumlah deposit dalam sistem perbankan pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 17%; RM276.1 bilion; 22.6%). Permintaan pembiayaan Islam terus meningkat 16.8% kepada RM246.8 bilion dan mewakili 23.3% daripada jumlah pinjaman dalam sistem perbankan (akhir 2010: 19.1%; RM222.2 bilion; 22.7%).

Lebih daripada separuh jumlah pembiayaan dalam sistem perbankan Islam telah disalurkan kepada sektor isi rumah (65.8%) berjumlah RM162.3 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 66%; RM146.7 bilion). Ini diikuti oleh sektor pembuatan pada 6.4% atau RM15.9 bilion serta sektor kewangan, insurans dan aktiviti perniagaan pada 4.8% atau RM11.9 bilion. Pembiayaan kepada sektor perniagaan meningkat 9.4% kepada RM44.8 bilion dimana SME merangkumi RM20 bilion daripada jumlah pembiayaan perniagaan (akhir 2010: 8.1%; RM40.9 bilion, RM19 bilion).

Bagi memastikan operasi perbankan Islam kekal berdaya saing, institusi perbankan Islam, termasuk IKP, dikehendaki mengekalkan pulangan kepada pendeposit di bawah kontrak mudharabah setanding dengan yang diberi kepada pendeposit konvensional. Bagi tujuan ini, Garis Panduan Rizab Penyamaan Keuntungan yang telah disemak semula dikeluarkan pada 25 April 2011. Garis Panduan ini menetapkan keperluan pengawalseliaan untuk mengekalkan kadar pulangan atau kadar deposit yang kompetitif di samping mengurangkan sebarang risiko serta keperluan lain mengenai tadbir urus, pelaporan kewangan dan penzahiran.

Pada Jun 2011, sebuah bank Islam dari Bahrain telah membuka cawangan dan memulakan

JADUAL 5.7

Perbankan Islam: Penunjuk Utama

	Akhir 2010		Akhir Julai 2011	
	RM juta	Perubahan (%)	RM juta	Perubahan (%)
Aset	351,104.7	15.8	389,284.4	15.4
Deposit	276,089.3	17.0	299,137.0	13.5
di mana:				
Pelaburan	180,544.3	11.8	186,220.3	4.4
Simpanan	23,741.9	12.4	25,523.2	15.3
Permintaan	34,142.4	11.0	37,223.9	26.0
Lain-lain	37,660.6	66.2	50,169.6	49.9
Pembiayaan	222,185.9	19.1	246,757.3	16.8
di mana:				
Pembuatan	13,537.9	15.0	15,859.3	24.1
Pembinaan	8,028.7	8.4	8,206.4	14.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	9,851.8	26.5	11,890.0	38.6
Pendidikan, kesihatan dan lain- lain	8,436.2	117.2	10,459.8	34.0
Isi rumah	146,711.2	22.5	162,278.2	17.8

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

perniagaan perbankan Islam antarabangsa di Malaysia. Kehadiran bank ini akan mengukuhkan lagi hubungan ekonomi dan kewangan antara Malaysia dan Bahrain serta menyumbang kepada pembangunan sistem kewangan Islam domestik.

Industri takaful kekal teguh

Industri takaful terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, disokong oleh peningkatan aktiviti dalam ekonomi domestik. Aset industri takaful meningkat 16.8% kepada RM16.3 bilion, mencakupi 8.7% daripada jumlah

aset dalam sektor insurans dan takaful (Januari – Julai 2010: 19.5%; RM13.9 bilion; 8.3%).

Namun begitu, sumbangan perniagaan baharu bagi **takaful keluarga** menyusut sedikit 1.1% kepada RM1.58 bilion (Januari – Julai 2010: 25.8%; RM1.59 bilion), kesan sumbangan yang lebih rendah oleh produk endowmen. Walau bagaimanapun, kadar penembusan pasaran takaful keluarga bertambah baik kepada 12.1% pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 10.9%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, sumbangan bersih takaful keluarga meningkat kepada RM2.2 bilion (Januari – Julai 2010: RM2 bilion) dan menyumbang kepada peningkatan dalam lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang berkembang 6.3% kepada RM1 bilion (Januari – Julai 2010: -3%; RM966.5 juta). Pada akhir Julai 2011, tiga daripada empat pengendali takaful keluarga yang telah diberikan lesen berikutan liberalisasi yang diumumkan pada tahun 2009, telah memulakan operasi.

Bagi sektor **takaful am**, sumbangan langsung kasar meningkat 18.1% kepada RM917.5 juta (Januari – Julai 2010: 27.6%; RM776.7 juta) disebabkan oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada perniagaan motor dan perubatan. Walau bagaimanapun, keuntungan operasi bagi sektor ini menurun 32.7% kepada RM103.6 juta (Januari – Julai 2010: RM154 juta) disebabkan oleh tuntutan bersih yang lebih tinggi terutamanya dalam kelas perniagaan motor dalam tempoh tersebut.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, lima garis panduan baharu bagi pengendali takaful telah dikeluarkan dalam usaha untuk membina sektor takaful yang kukuh dan cekap. Garis panduan tersebut adalah Rangka Kerja Operasi Takaful; Asas Penilaian untuk Liabiliti Perniagaan Takaful Keluarga; Asas Penilaian untuk Liabiliti Perniagaan Takaful Am; Pelaporan Kewangan untuk Pengendali Takaful; dan Kepengawasan (*Directorship*) untuk Pengendali Takaful. Semua garis panduan ini dijangka dapat meningkatkan amalan pengurusan risiko yang kukuh dan memupuk amalan perniagaan takaful yang lebih baik, sekali gus memudahkan penjajaran risiko dan aktiviti pengurusan modal.

JADUAL 5.8

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	2010	Jan – Julai 2011
Aset^{1,2} (RM juta)	14,720.3	16,259.0
Aset tetap	1.8	1.7
Pembiayaan	62.3	58.0
Pelaburan	10,538.8	11,734.7
Sekuriti Kerajaan	2,255.7	2,510.7
Pinjaman Jaminan Kerajaan	-	87.0
Sekuriti korporat (ekuiti dan hutang)	7,605.1	8,491.9
Pelaburan lain	678.1	645.1
Pelaburan harta tanah	338.1	326.9
Tunai dan deposit	3,028.3	3,368.9
Aset asing	21.3	10.9
Aset lain	729.7	757.9
Takaful keluarga		
Perniagaan baru:		
Jumlah caruman (RM juta)	2,587.1	1,577.7
Jumlah penyertaan (RM juta)	177,024.8	124,778.9
Bilangan sijil	906,064	548,201
Perniagaan berkuat kuasa:		
Jumlah caruman ³ (RM juta)	1,811.8	1,952.0
Jumlah penyertaan (RM juta)	343,632.6	382,658.3
Bilangan sijil	3,153,875	3,503,867
Takaful Am		
Caruman kasar (RM juta)	1,341.2	917.5
Tuntutan bersih dibayar (RM juta)	1,030.8	695.2

¹ Aset kumpulan wang takaful keluarga, takaful am dan dana pemegang saham.

² Pada akhir tempoh.

³ Caruman berkuat kuasa dilaporkan untuk caruman tahunan sahaja.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Pasca Pelan Induk Sektor Kewangan

Sektor kewangan Malaysia telah mengalami transformasi yang ketara sejak krisis kewangan Asia 1997/98 berikutan usaha pembinaan kapasiti dan institusi terutamanya di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) yang diperkenalkan pada tahun 2001. PISK yang bertempoh 10 tahun telah dilaksanakan dalam tiga fasa: pertama, meningkatkan keupayaan domestik; kedua, meningkatkan persekitaran yang berdaya saing; dan ketiga, memupuk lagi integrasi antarabangsa. Pada akhir 2010, lebih daripada 90% cadangan PISK telah selesai atau sedang dilaksanakan. Hasilnya, sektor kewangan domestik telah menjadi lebih kukuh, lebih pelbagai dan berdaya tahan bagi terus menyokong pertumbuhan ekonomi secara berkesan.

Berasaskan kemajuan yang telah dicapai sepanjang dekad yang lalu, sektor kewangan yang lebih kukuh kini berupaya untuk mengambil peluang daripada persekitaran yang lebih berdaya saing dan bersepadu, di samping memenuhi keperluan ekonomi domestik yang pelbagai dan kompleks. Pada masa ini, rangka tindakan sektor kewangan yang baharu sedang digubal untuk menentukan hala tuju masa depan sistem kewangan dan memastikan sektor ini terus memainkan peranan penting seiring dengan peralihan negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Rangka tindakan baharu ini akan menggariskan strategi untuk membangunkan sektor kewangan yang dapat memberikan sokongan terbaik dalam mentransformasikan ekonomi negara, memastikan kestabilan sistem kewangan dan mengukuhkan penggerak utama untuk pembangunan sektor kewangan yang teguh.

Perkembangan Pasaran Modal

Pengukuhan pemerolehan dana

Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran modal berkembang kukuh 31.8% kepada RM106.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: -26.6%;

RM80.6 bilion). Dana bersih yang diperoleh meningkat 28.8% kepada RM62 bilion setelah mengambil kira penebusan (Januari – Julai 2010: -29.6%; RM48.1 bilion), dengan sektor awam mencakupi 58% atau RM35.9 bilion dan sektor swasta, RM26.1 bilion (Januari – Julai 2010: 57.4%; RM27.6 bilion; RM20.5 bilion). Dana kasar yang diperoleh oleh sektor awam melonjak semula 47.6% kepada RM62.2 bilion (Januari – Julai 2010: -36.4%; RM42.1 bilion), mencerminkan inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk mentransformasikan struktur dan prestasi ekonomi Malaysia melalui pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi (ETP). Dana diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan.

Pemerolehan dana oleh sektor swasta yang dijana melalui terbitan PDS meningkat kukuh 67.7% kepada RM35.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: -32.7%; RM21.4 bilion), mencerminkan permintaan yang lebih tinggi berikutan aktiviti ekonomi domestik yang teguh. Walaupun sektor kewangan, insurans, harta tanah, dan perkhidmatan perniagaan terus menyumbang kepada sebahagian besar pemerolehan dana yang berjumlah RM14.4 bilion atau 40.3% daripada jumlah keseluruhan terbitan PDS, aktiviti pemerolehan dana adalah lebih menyeluruh dan melibatkan lebih banyak sektor (Januari – Julai 2010: RM18.4 bilion; 86.1%). Dana diperoleh digunakan terutamanya untuk modal kerja dan menyokong aktiviti perniagaan am. Sementara itu, dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti menyusut 51.9% kepada RM8.2 bilion (Januari – Julai 2010: 45.9%; RM17.1 bilion) disebabkan terutamanya oleh terbitan hak yang lebih rendah kepada RM1.6 bilion (Januari – Julai 2010: RM11.8 bilion). Sebaliknya, dana yang dijana melalui tawaran awam awal terus kekal cergas pada RM6.7 bilion (Januari – Julai 2010: RM5.3 bilion).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, kadar hasil bon berdaulat tempatan dipengaruhi terutamanya oleh faktor luaran. Dalam tempoh tiga bulan pertama, penghindaran risiko global

JADUAL 5.9

**Dana yang Diperolehi di Pasaran Modal
Januari – Julai**

(RM juta)

	2010	2011
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	24,752	36,040
Bon Khazanah	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	15,000	26,179
Bon Simpanan Merdeka	-	-
Sukuk Simpanan Rakyat	-	-
Sukuk 1Malaysia	2,399	-
Sekuriti hutang baru Kerajaan	42,151	62,219
Tolak: Penebusan	14,527	26,288
Dana bersih diperoleh oleh Sektor Awam	27,624	35,931
Oleh Sektor Swasta		
Saham¹/Waran		
Tawaran awam awal	5,263	6,652
Terbitan hak	11,785	1,558
Penempatan persendirian/ Tawaran jualan secara terhad	-	-
Terbitan khas	-	-
Waran	42	6
Terbitan saham baru/waran	17,090	8,216
Sekuriti hutang		
Bon biasa	1,402	4,453
Bon boleh tukar	110	-
Bon Islam	1,578	3,450
Bon bersandarkan aset	300	-
Bon dengan waran	-	-
Nota jangka sederhana	17,975	27,934
Bon Cagamas	-	-
Terbitan baru sekuriti hutang	21,364	35,837
Tolak: Penebusan	17,940	18,002
Terbitan bersih sekuriti hutang	3,424	17,835
Dana bersih diperoleh oleh Sektor Swasta	20,514	26,051
Jumlah dana bersih diperoleh	48,138	61,982

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

yang memuncak dan jangkaan peningkatan tekanan inflasi telah mengakibatkan kadar hasil meningkat. Selepas suku pertama 2011, terdapat juga tekanan yang meningkat terhadap kadar hasil bagi tempoh matang yang lebih pendek berikutan kenaikan OPR pada bulan Mei. Seterusnya, kedua-dua kadar hasil bagi tempoh matang lebih panjang dan pendek menurun akibat permintaan yang kekal mampan daripada bukan pemastautin dan kebimbangan pertumbuhan global yang semakin perlahan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, kadar hasil bagi SKM untuk tempoh 1 tahun meningkat 6 mata asas manakala SKM untuk tempoh 5 tahun naik 10 mata asas

JADUAL 5.10

**Terbitan Baru PDS¹ Mengikut Sektor
Januari – Julai**

Sektor	RM juta		Sumbangan (%)	
	2010	2011	2010	2011
Pertanian, perhutanan dan perikanan	140	266	0.7	0.7
Pembuatan	10	640	0.1	1.8
Pembinaan	2,176	3,287	10.1	9.2
Elektrik, gas dan bekalan air	20	6,700	0.1	18.7
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	485	800	2.3	2.2
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	18,384	14,425	86.1	40.3
Kerajaan dan lain-lain	149	9,370	0.7	26.1
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	-	349	-	1.0
Perlomongan dan kuari	-	-	-	-
Jumlah	21,364	35,837	100.0	100.0

¹ Termasuk sekuriti hutang swasta yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

(Januari – Julai 2010: 74 mata asas; -38 mata asas). Sebaliknya, kadar hasil SKM untuk tempoh 10 tahun menurun 16 mata asas (Januari – Julai 2010: -37 mata asas). Pegangan asing dalam SKM meningkat 53.8% kepada RM95.4 bilion, merangkumi 34.3% daripada jumlah keseluruhan SKM terkumpul (akhir Julai 2010: 99.8%; RM62 bilion; 24.2%).

Kadar hasil PDS kekal stabil bagi sekuriti hutang bertaraf tinggi iaitu AA dan ke atas. Namun begitu, sekuriti bertaraf lebih rendah iaitu A dan ke bawah menunjukkan trend menurun, mencerminkan keadaan kredit yang lebih baik bagi segmen sekuriti PDS yang lebih rendah, berikutan prospek ekonomi domestik yang bertambah baik. Spread kadar hasil PDS untuk tempoh 5 tahun (kadar hasil PDS tolak kadar hasil SKM) bagi sekuriti hutang bertaraf AAA mengecil 10 mata asas manakala bagi sekuriti hutang bertaraf AA sebanyak 13 mata asas dan bertaraf A sebanyak 44 mata asas (Januari – Julai 2010: 19 mata asas; 11 mata asas; 40 mata asas). Ini didorong terutamanya oleh keadaan kredit yang bertambah baik dan keuntungan korporat yang kukuh pada suku pertama 2011. Sementara itu, spread kadar hasil SKM (SKM-10 tahun tolak SKM-1 tahun) menyusut 22

mata asas (Januari – Julai 2010: -111 mata asas), mencerminkan penurunan kadar hasil SKM-10 tahun berikutan permintaan yang kukuh.

FBM KLCI terus meningkat

Pasaran ekuiti telah mencatatkan prestasi yang agak baik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, meskipun terdapat ketidaktentuan pasaran global serta volatiliti yang semakin meningkat. Pada suku pertama 2011, Indeks Komposit Kuala Lumpur Financial Times Stock Exchange (FTSE) Bursa Malaysia (FBM KLCI) merekodkan trend menaik dirangsang oleh asas ekonomi domestik yang kukuh dan aktiviti yang dijana oleh ETP Kerajaan serta aliran masuk modal yang lebih tinggi. Kenaikan ini berlaku meskipun terdapat kebimbangan terhadap pergolakan politik di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara, pelaksanaan langkah dasar monetari yang lebih ketat oleh China bagi membendung kenaikan tekanan inflasi serta bencana gempa bumi, tsunami dan seterusnya masalah loji kuasa nuklear di Jepun, telah memberi kesan terhadap keyakinan pelabur dan pasaran. FBM KLCI meningkat 17% kepada 1,545.13 mata pada akhir Mac 2011 (akhir 2010: 19.3%; 1,518.91 mata).

Pelan Induk Pasaran Modal 2

Berikutan daripada Pelan Induk Pasaran Modal pertama (CMP1) yang telah memberi panduan kepada pembangunan pasaran modal Malaysia bagi tempoh 2001 – 2010, pasaran modal Malaysia telah berkembang pada kadar pertumbuhan kompaun tahunan sebanyak 11% dengan saiz pasaran meningkat daripada RM718 bilion kepada RM2 trilion pada tahun 2010. Pasaran modal yang terdiri terutamanya daripada pasaran saham dan sekuriti hutang Kerajaan pada tahun 2000, telah berjaya berkembang merangkumi sekuriti hutang swasta yang signifikan dan aktiviti pengurusan pelaburan yang rancak, seiring dengan pasaran modal Islam yang komprehensif dan inovatif. Pada akhir tahun 2010, 95% daripada 152 syor yang terkandung dalam CMP1 telah tercapai.

Berdasarkan kejayaan CMP1, Pelan Induk Pasaran Modal 2 (CMP2) telah dilancarkan pada 12 April 2011. CMP2 yang bertemakan “*Growth with Governance*”, menyediakan hala tuju strategik untuk mentransformasikan persaingan dinamik bagi pasaran modal dalam tempoh 10 tahun akan datang. Pelan ini menggariskan strategi pertumbuhan bagi menangani cabaran struktur utama dan hubungan kritikal untuk menggalakkan persekitaran pengantaraan yang lebih pelbagai dan inovatif serta memupuk peluang pertumbuhan baharu.

Strategi untuk mengukuhkan peranan pasaran modal termasuk:

- Menggalakkan pembentukan modal
 - Mewujudkan persekitaran pengantaraan yang kondusif untuk menyemai syarikat dan industri yang berpotensi, memupuk pertumbuhan syarikat bermodal kecil dan sederhana, membiayai usaha niaga berskala besar dan berisiko tinggi, dan menggalakkan pelaburan dalam projek yang bertanggungjawab sosial.
- Mengembangkan kecekapan dan skop pengantaraan
 - Menangani kekangan struktur untuk meningkatkan kecekapan dalam pengantaraan simpanan dan memupuk persekitaran pengantaraan yang inovatif dan pelbagai bagi mengembangkan penawaran aset dalam memenuhi keperluan pelabur.
- Memperdalam kecairan dan pengantaraan risiko
 - Memperluas kepelbagaian strategi pelaburan dan mengukuhkan rangkaian pasaran melalui produk pengantaraan risiko dan memperluas kepelbagaian peserta.
- Memudahkan pengantarabangsaan
 - Mengembangkan sempadan pertumbuhan dengan meneroka peluang global bagi memudahkan pengembangan dalam skala dan memanfaatkan peluang hab di kawasan yang mempunyai kelebihan komparatif.
- Membina kapasiti dan mengukuhkan infrastruktur maklumat
 - Mengukuhkan asas pengetahuan melalui pembangunan dan pemerolehan bakat bagi menyokong pengembangan pasaran modal ke dalam bidang tambah nilai yang tinggi dan membina infrastruktur maklumat yang kukuh untuk menangani ketidakseimbangan akses kepada maklumat serta menggalakkan inovasi perkhidmatan dan kecekapan dalam persekitaran berelektronik tinggi.

CMP2 juga menggariskan strategi tadbir urus untuk memastikan pengawasan kawal selia yang teguh dan penyertaan pihak yang berkepentingan secara aktif bagi meningkatkan keyakinan terhadap integriti dan kekukuhan pasaran modal Malaysia.

Strategi bagi memastikan aturan tadbir urus yang teguh termasuklah:

- Meningkatkan kawal selia produk bagi mengurus risiko
 - Memelihara persekitaran yang lebih sesuai bagi inovasi dan kepelbagaian produk sambil memastikan penajaan dana yang aktif dan inovasi kewangan memanfaatkan pelabur.
- Mengembangkan akauntabiliti seiring dengan pengembangan skop pengantaraan
 - Mewujudkan persekitaran yang membolehkan mereka yang berkenaan memperluas aktiviti pengantaraan dan mengukuhkan keupayaan dan standard industri.
- Kerangka pengawalseliaan yang kukuh bagi landskap pasaran yang berubah-ubah
 - Memastikan pendekatan pengawalseliaan yang konsisten terhadap persekitaran pasaran yang berubah-ubah dan fokus kepada meningkatkan kualiti pasaran.

- Pemantauan risiko yang berkesan
 - Mengembangkan pengawalseliaan dari segi liputan, kapasiti dan alat bagi memastikan capaian penyeliaan yang berkesan serta mengukuhkan pemantauan risiko terhadap kestabilan pasaran.
- Mengukuhkan tadbir urus korporat
 - Mengukuhkan keberkesanan tadbir urus korporat melalui pendekatan menyeluruh bagi menggalakkan pengawasan yang lebih tinggi, penyertaan lebih aktif pemegang saham dan mengukuhkan akauntabiliti pengawalan.
- Memperluas penyertaan dalam tadbir urus
 - Menggalakkan penyertaan aktif pihak yang berkepentingan dalam membentuk pengantaraan dan tatalaku korporat serta menggalakkan budaya integriti dan meningkatkan penekanan terhadap matlamat tanggungjawab sosial.

Sentimen pelabur kekal berdaya tahan pada suku kedua 2011 walaupun terdapat kebimbangan yang muncul semula mengenai penuluran hutang berdaulat Eropah, inflasi yang meningkat dan data ekonomi AS yang lemah. Prestasi pasaran ekuiti tempatan yang positif telah disokong oleh berita positif yang berterusan seperti kenaikan semula harga komoditi, kadar tarif elektrik yang meningkat, pengumuman penggabungan bank, dan pelaburan tambahan oleh Petroliaam Nasional Berhad. Dengan dirangsang oleh lebih penyertaan pelabur runcit serta momentum pembelian yang kukuh daripada pelabur asing, FBM KLCI meningkat 20.2% kepada 1,579.07 mata, merekodkan paras baharu yang tertinggi pada akhir Jun 2011 (akhir Mac 2011: 17%; 1,545.13 mata).

Dalam tempoh 1 Julai hingga akhir bulan Ogos, harga saham di Bursa Malaysia mencatatkan paras tertinggi yang baharu 1,594.74 mata pada 8 Julai 2011, disokong oleh pembelian saham mewah berwajaran tinggi terpilih. Walau bagaimanapun, trend menaik ini telah berubah berikutan kejatuhan mendadak di Wall Street akibat keyakinan pelabur yang dikejutkan oleh kegagalan penggubal undang-undang AS dalam mencapai persetujuan untuk meningkatkan siling hutang. Ini diikuti dengan penjualan panik besar-besaran selepas AS diberi penarafan kredit

berdaulat yang lebih rendah, ditambah pula dengan kebimbangan terhadap krisis hutang berdaulat Eropah yang semakin meruncing. Pada 26 Ogos 2011, FBM KLCI mencatatkan mata terendah bagi tahun ini pada 1,444.81 mata sebelum ditutup dengan meningkat sedikit kepada 1,447.27 mata pada akhir bulan Ogos (akhir Ogos 2010: 1,422.49 mata).

Nilai permodalan pasaran meningkat 22.6% kepada RM1,339.3 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 27.6%; RM1,275.3 bilion). Jumlah urus niaga pasaran dari segi volum meningkat 40.2% kepada 187.7 bilion unit dalam tempoh tersebut (Januari – Julai 2010: -14.9%; 133.9 bilion unit), dengan penyertaan yang menggalakkan daripada pelabur tempatan dan asing berikutan pendapatan korporat yang kukuh serta kenaikan harga komoditi. Jumlah nilai urus niaga pasaran meningkat 34.3% kepada RM270.9 bilion (Januari – Julai 2010: 16.6%; RM201.7 bilion). Halaju pasaran meningkat kepada 35%, tetapi volatiliti pasaran menurun kepada 8.1% (akhir Julai 2010: 31%, 9.3%). Jumlah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia meningkat kepada 960 pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: 957 syarikat) berikutan penyenaian 25 syarikat baharu (akhir 2010: 29 syarikat). Kegiatan penyahlaburan aset oleh beberapa syarikat berkaitan Kerajaan terus menyumbang kepada kecairan dan kerancakan dalam pasaran.

JADUAL 5.11

**Bursa Malaysia: Penunjuk Indeks
Terpilih
Januari – Julai**

	2010	2011
Indeks harga¹		
FBM KLCI	1,360.9	1,548.8
FBMEMAS	9,212.8	10,682.8
FBM 100	8,953.6	10,459.4
FBM SCAP	11,540.3	12,511.3
FBM-ACE	3,794.8	4,121.8
Jumlah urus niaga²		
Bilangan (juta unit)	125,097.1	181,160.9
Nilai (RM Juta)	188,102.5	261,540.3
Purata urus niaga harian²		
Bilangan (juta unit)	862.7	1,266.9
Nilai (RM juta)	1,297.3	1,829.0
Permodalan pasaran ¹ (RM billion)	1,092.3	1,339.3
Jumlah syarikat disenaraikan¹		
Papan Utama	846	841
Papan ACE	116	119
Mudah tunai pasaran¹		
Nilai urus niaga/ Permodalan pasaran (%)	17.2	19.5
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	37.8	35.5

¹ Akhir tempoh.

² Berdasarkan urusan niaga pasaran semasa tempoh tersebut.

Sumber: Bursa Malaysia.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, pasaran modal terus mencatatkan prestasi yang stabil dengan Malaysia telah dinaik taraf secara rasmi kepada status pasaran pesat membangun maju daripada status pasaran sedang membangun sekunder dalam Siri Indeks Ekuiti Global FTSE. Perkembangan ini memberi petanda baik kepada pasaran dan telah menarik lebih banyak aliran masuk portfolio asing. Malaysia kini menyertai Afrika Selatan, Brazil, Hungary, Mexico, Poland, Republik Czech, Taiwan dan Turki dalam kategori pasaran pesat membangun maju.


Di peringkat serantau, empat bursa ASEAN, iaitu Bursa Malaysia, Bursa Saham Filipina, Bursa Saham Singapura serta Bursa Saham Thailand, telah mencatat kemajuan dalam penubuhan Rangkaian Perdagangan ASEAN dengan pelantikan pembekal teknologi bagi menyediakan platform dagangan rentas sempadan perniagaan-kepada-perniagaan intra-ASEAN yang akan menyambungkan pasaran bursa tersebut secara elektronik. Ini akan membolehkan para pelabur serta ahli broker untuk mengakses pelbagai pasaran melalui saluran tunggal. Platform ini dijangka akan beroperasi menjelang akhir suku pertama 2012.

Sementara itu, pada 8 April 2011, Bursa Malaysia dengan kerjasama enam bursa saham di ASEAN (Bursa Saham Hanoi, Bursa Saham Hochiminh, Bursa Saham Indonesia, Bursa Saham Filipina, Bursa Saham Singapura serta Bursa Saham Thailand) telah melancarkan Identiti Jenama ASEAN, laman sesawang Bursa ASEAN serta ASEAN Stars. Inisiatif ini adalah untuk menggalakkan pembangunan ASEAN sebagai satu kelas aset melalui rangka kerja kolaboratif dengan tujuan meningkatkan kecairan kepada ahli bursa.

Pasaran derivatif bertambah teguh


Dagangan dalam pasaran **derivatif** melonjak semula sebanyak 43.6% untuk mencatatkan perolehan 4.9 juta kontrak dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: -11.1%; 3.4 juta kontrak). Perolehan minyak

CARTA 5.7

Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia¹ (SKM)¹ Akhir tempoh.² Akhir Julai 2011.

Sumber: Bank Negara Malaysia.


CARTA 5.8

Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (PDS) 5-Tahun¹¹ Akhir tempoh.² Akhir Julai 2011.

Sumber: Bank Negara Malaysia.


CARTA 5.9

Prestasi Bursa Malaysia

¹ Akhir tempoh.

Sumber: Bursa Malaysia.


CARTA 5.10

Bursa Malaysia: Permodalan Pasaran¹, Halaju dan Volatiliti¹ Akhir tempoh.

Sumber: Bursa Malaysia.

CARTA 5.11


Prestasi Pasaran Saham Terpilih



Sumber: Bloomberg.

CARTA 5.12

Sumber Dana Modal Teroka



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

sawit mentah (CPO) serta niaga hadapan FBM KLCI terus mendominasi pasaran derivatif, menyumbang 98.4% daripada jumlah dagangan (Januari – Julai 2010: 97.8%). Dagangan dalam niaga hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) adalah minimum manakala niaga hadapan SKM 3-tahun dan 5-tahun serta niaga hadapan saham tunggal tidak diniagakan dalam tempoh tersebut.

Volum dagangan niaga hadapan CPO, meningkat 62% kepada 3.5 juta kontrak (Januari – Julai 2010: -8.7%; 2.1 juta kontrak) bersamaan dengan 86.8 juta tan metrik CPO dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 53.5 juta tan metrik). Jumlah dagangan di pasaran niaga hadapan FBM KLCI juga mencatatkan peningkatan 12.6% kepada 1.3 juta kontrak (Januari – Julai 2011: -15%; 1.2 juta kontrak).

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, prestasi dalam pasaran derivatif telah bertambah baik. Ini adalah sebahagiannya disebabkan oleh pemindahan produk derivatif ke platform dagangan Chicago Mercantile Exchange Globex yang memberikan lebih akses dan pengenalan kepada produk tersebut. Sementara itu, dalam usaha untuk menggalakkan pasaran derivatif kepada peruncit yang kebanyakannya pelabur ekuiti, Kerajaan pada 12 April 2011 mengumumkan program *fast-track* untuk pemegang lesen berganda bagi membolehkan wakil peniaga daripada pasaran ekuiti untuk mengambil bahagian dalam industri derivatif. Seterusnya, pada 28 Jun 2011, Suruhanjaya Dagangan Niaga Hadapan Komoditi AS telah membenarkan pelabur AS untuk berdagang dalam niaga hadapan FBM KLCI.

Industri unit amanah kekal positif

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, **industri unit amanah** merekodkan pelancaran 22 dana baharu, menjadikan jumlah dana sebanyak 586 (akhir 2010: 23 dana baharu; 564 dana). Jumlah unit dalam edaran berkembang 6% kepada 306.3 bilion (akhir 2010: 5.7%; 289.4 bilion), manakala bilangan akaun bertambah 5.9% kepada 15.2 juta (akhir 2010: 3.7%; 14.6 juta). Saiz industri unit amanah dari segi NAV meningkat 18% kepada

RM249.9 bilion (akhir 2010: 18.3%; RM226.8 bilion). Dana ekuiti merupakan pilihan utama pelaburan dengan jualan bersih sebanyak RM16.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 berbanding dana bon dan dana pendapatan tetap yang merekodkan RM0.7 bilion.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, sebanyak 27 dana baharu telah dilancarkan bagi pelaburan dalam pasaran luar negeri, di mana 20 dana telah melabur sebanyak RM0.8 bilion pada akhir Julai 2011. Sementara itu, sejumlah 272 dana telah melabur RM19.3 bilion dalam pasaran luar negeri, merangkumi 7.7% daripada jumlah NAV industri.

Dalam **industri amanah pelaburan harta tanah (REIT)**, volum dagangan meningkat 4.8% kepada 687.7 juta unit dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011 (Januari – Julai 2010: 46.5%; 656.2 juta unit), dengan nilai permodalan pasaran berjumlah RM11.8 bilion pada akhir Julai 2011 (akhir 2010: RM10.5 bilion). Begitu juga dengan nilai dagangan, menokok 10.2% kepada RM803.1 juta (Januari – Julai 2010: 74.4%; RM728.9 juta). Pada akhir Jun 2011, bilangan REIT kekal 15 yang terdiri daripada 14 REIT tersenarai dan satu REIT tidak tersenarai di Bursa Malaysia, dengan jumlah NAV meningkat kepada RM11.5 bilion (akhir 2010: RM10.7 bilion).

Sehingga akhir Julai 2011, bilangan **ETF** tersenarai di Bursa Malaysia kekal lima manakala nilai permodalan pasaran berjumlah RM1.2 bilion (akhir 2010: RM1.2 bilion). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, volum dagangan meningkat 259.5% kepada 147.4 juta unit manakala jumlah nilai menokok 245.9% kepada RM154.8 juta (Januari – Julai 2010: 6.6%, 41 juta unit; 47.1%, RM44.8 juta).

Pada 12 Mei 2011, Nomura Asset Management Co. Ltd., pengurus aset terbesar Jepun dan anak syarikat milik penuh bagi Nomura Holdings Inc., telah menyenaraikan NEXT FUNDS FTSE Bursa Malaysia KLCI Exchange Traded Fund dalam Bursa Saham Tokyo, menandakan penyenaiaan ETF saham Malaysia yang pertama di Jepun. NEXT FUNDS FTSE Bursa Malaysia

JADUAL 5.12

Industri Dana Amanah: Penunjuk Terpilih

	Akhir 2010	Akhir Julai 2011
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	39	40
Jumlah dana unit amanah ¹	564	586
Konvensional	412	426
Islam	152	160
Unit dalam edaran (juta)	289,366	306,262
Bilangan akaun (juta)	14.6	15.2
Jumlah nilai aset bersih (NAV) (RM juta)	226,812	249,875
Konvensional	202,768	223,495
Islam	24,044	26,380

¹ Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

KLCI ETF menjejak pergerakan 30 syarikat terbesar yang layak berdasarkan permodalan pasaran yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Pelaburan VC berkembang

Industri modal teroka (VC) kekal sebagai sumber penting bagi pembiayaan tahap awal projek berinovasi terutamanya pada peringkat permulaan dan pengembangan syarikat. Pada akhir Jun 2011, bilangan syarikat modal teroka (VCC) sebanyak 56 dan syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) yang berdaftar berjumlah 52 (Januari – Jun 2010: 58 VCC; 55 VCMC). Jumlah pelaburan VC meningkat 31.1% kepada RM3.4 bilion pada akhir 2010 (akhir 2009: 34.1%; RM2.6 bilion) dengan sektor teknologi maklumat dan komunikasi merangkumi 43%, sains hayat 20.9% dan pembuatan 14.8% daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Manakala, jumlah dana komited berkembang 11.4% kepada RM6 bilion (akhir 2009: 17%; RM5.3 bilion), dengan entiti Kerajaan kekal sebagai penyumbang terbesar sumber dana VC berjumlah RM3.1 bilion, mewakili 51.4% daripada jumlah dana komited (akhir 2009: RM2.8 bilion; 52.9%).

Langkah Utama Pasaran Modal

Beberapa langkah dan inisiatif terus diambil dalam tempoh lapan bulan pertama 2011 yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi pasaran modal. Antara langkah-langkah utama adalah:

- Pada **3 Januari**, Bursa Malaysia telah mengeluarkan kertas rundingan bersama bagi mendapatkan maklum balas mengenai cadangan pindaan kepada Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad yang bertujuan untuk memudahkan keberkesanan bagi mengawal selia pasaran dan kecekapan yang lebih tinggi dalam menjalankan perniagaan broker sekuriti, juga dikenali sebagai Organisasi Penyertaan.
- Pada **19 Januari**, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah melancarkan Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti berikutan pewartaan Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penyelesaian Pertikaian) 2010.
- Pada **28 Januari**, Bursa Malaysia telah membuat pindaan pada Peraturan Penyenaraian Penswastaaan Syarikat-syarikat Tersenarai melalui Penjualan Aset dengan menaikkan nilai ambang untuk kelulusan pemegang saham kepada 75%.
- Pada **28 Januari**, SC telah menyelaraskan kategori pelabur sofistikated dan meningkatkan rejim amalan jualan untuk mencapai lebih keseimbangan antara keperluan pelabur bagi tahap

perlindungan yang bersesuaian, pertumbuhan pasaran dan inovasi produk. Ini adalah bagi memastikan supaya produk yang kompleks dan berisiko tinggi ditawarkan atau dipasarkan hanya kepada pelabur yang berpengetahuan, penzahiran dipermudah serta proses perniagaan dan struktur insentif adalah sejajar dengan keperluan perlindungan pelabur.

- Pada **28 Februari**, Persekutuan Pengurus-pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) telah diiktiraf sebagai sebuah Organisasi Pengawalseliaan Kendiri bagi industri unit amanah. Ini bermakna FIMM akan mengawal selia ahli-ahlinya di samping memastikan bahawa pelabur dilindungi dan kepentingan awam terjaga. Tugas FIMM adalah untuk meningkatkan profesionalisme ejen jualan dan pengedar melalui latihan industri serta membentuk rejim amalan jualan yang teguh dengan penyeliaan dan pemantauan yang mencukupi.
- Pada **30 Mac**, SC telah mengeluarkan Garis Panduan mengenai Pendaftaran Agensi Penarafan Kredit (CRA) bagi memastikan penarafan bebas dan berkualiti tinggi dengan pemantauan yang bersesuaian terhadap CRA, memandangkan peranan penting mereka dalam pasaran modal. Garis Panduan tersebut bertujuan meningkatkan standard agensi berkenaan dalam bidang utama seperti ketelusan kriteria penarafan dan dasar, objektiviti proses penarafan, pengurusan konflik kepentingan dan juga bagi membolehkan SC mengawasi CRA dengan lebih ketat.
- Pada **18 April**, Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Bursa Malaysia, melanjutkan pengecualian yuran pentadbiran sebanyak RM10 untuk pendaftaran eDividen sehingga 18 April 2012. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk menggalakkan lebih ramai pemegang saham mendaftar untuk perkhidmatan eDividen.
- Pada **23 Mei**, SC telah menyemak semula Garis Panduan Fungsi Pematuhan bagi Pengurus Dana untuk menambah baik perlindungan aset pelanggan dan meningkatkan standard pematuhan dalam memelihara kepentingan pelabur. Garis panduan yang telah disemak semula memerlukan syarikat pengurusan dana dan wakil mereka mendukung prinsip teras yang bertujuan menggalakkan budaya pematuhan, profesionalisme, standard etika dan tingkah laku yang bertanggungjawab dalam kalangan syarikat pengurusan dana, wakil dan kakitangan mereka.
- Pada **8 Julai**, Rangka Tindakan Tadbir Urus Korporat telah dilancarkan, bertujuan untuk menggalakkan kecemerlangan dalam tadbir urus. Rangka tindakan tersebut meliputi keutamaan dan syor strategik untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang. Ini termasuk meningkatkan standard tadbir urus lembaga, mengkaji cara untuk menambah baik hak mengundi pemegang saham dan akses kepada maklumat, memastikan pemegang saham diberi layanan yang saksama, menggalakkan lebih kepelbagaian dalam lembaga pengarah syarikat awam tersenarai, mengukuhkan peranan dan akauntabiliti pengawal (*gatekeepers*) dan mereka yang berpengaruh.
- Pada **12 Julai**, SC telah mengeluarkan garis panduan sekuriti hutang swasta (PDS), sukuk dan ikatan amanah yang telah disemak semula bagi meningkatkan rangka kerja pengawalseliaan untuk penjana dana dan kawal selia produk dalam pasaran PDS dan sukuk. Garis panduan PDS dan sukuk yang dipinda ini mengemaskinikan proses kelulusan dan masa ke pasaran bagi penerbitan bon dan sukuk korporat. Pindaan ini juga memudahcara proses membuat keputusan pelaburan yang lebih bermaklumat dengan peraturan tambahan bagi memastikan lebih penzahiran maklumat yang berkaitan kepada pelabur.
- Pada **9 Ogos**, SC telah menyemak semula Garis Panduan Perkhidmatan Luaran untuk Pengantara Pasaran Modal. Garis panduan ini menggantikan Garis Panduan Prestasi Fungsi Pengawasan di Peringkat Kumpulan bagi Pengantara Pasaran Modal dan Prinsip Panduan untuk Khidmat Penyedia Perkhidmatan Luaran bagi Pengantara Pasaran Modal. Semakan ini dibuat bagi mengukuhkan langkah-langkah perlindungan pelabur dan membolehkan pengantara menumpukan kepada kekuatan teras pengantaraan mereka melalui penyumberan luar bagi fungsi perkhidmatan sokongan mereka.

Prospek 2012

Dasar monetari terus menyokong pertumbuhan

Ekonomi negara diunjurkan kekal mampan antara 5% dan 6% pada tahun 2012, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan aktiviti ekonomi yang dijana oleh ETP dan RMKe-10 yang sedang dilaksanakan. Inflasi dijangka menjadi sederhana daripada paras tinggi yang direkodkan pada 2011. Dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan dan akan ditentukan dengan mengambil kira perkembangan global dan kesannya terhadap ekonomi domestik serta prospek inflasi. Pada masa yang sama, langkah

pruden makro akan dilaksanakan untuk mengelak sebarang ketidakseimbangan kewangan dan bagi mengekalkan kestabilan kewangan.

Pembiayaan melalui sistem perbankan dan pasaran modal dijangka terus berkembang untuk menyokong aktiviti ekonomi, terutamanya dengan pelaksanaan beberapa projek utama berjangka panjang ke arah transformasi menjadikan negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Seterusnya, dengan pelaksanaan CMP2 dan PISK kedua pada tahun ini, pasaran kewangan dan pasaran modal dijangka lebih dinamik dan berinovasi, terutamanya dalam pengantarabangsaan kewangan Islam, modal teroka serta pembiayaan industri hijau dan inovasi.